

27/05/2000

RM420 juta besarkan kilang Perodua

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) yang akan melancarkan satu lagi model baru dikenali Perodua Kenari pada 14 Jun depan, memerlukan perbelanjaan modal sebanyak RM420 juta tahun ini bagi membiayai rancangan pembesaran loji kerana sudah hampir beroperasi pada keupayaan maksimum.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab Rahman Omar, berkata pembesaran loji itu sangat mendesak sekarang kerana Perodua kini sudah beroperasi pada 97 peratus daripada keupayaannya.

Peningkatan keupayaan semakin mendesak terutama dengan kehadiran model baru, Perodua Kenari yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan depan.

Kenari, model lima pintu dengan kuasa enjin 1.0 liter (1,000 cc) dengan reka bentuknya seakan sebuah kenderaan pelbagai guna mini (MPV). Ia dibangunkan daripada model Daihatsu Move 12 injap DOHC. Ia dijangka dijual pada harga kurang daripada RM40,000 seunit.

Perodua kini mempunyai keupayaan keluaran 120,000 unit setahun dan perbelanjaan modal itu akan digunakan bagi mempertingkatkan keupayaan sehingga 150,000 unit setahun. Proses peningkatan keupayaan itu dijangka selesai pada Mei atau Jun 2001.

Tahun ini syarikat menjangka dapat menjual 115,000 unit kenderaan. Tahun lalu lebih 87,000 unit Kancil dijual.

Perodua, pengeluar kenderaan nasional kedua memfokus kepada pengeluaran kereta kecil, 1,000 cc ke bawah kini mengeluarkan Kancil 850 cc dan 660 cc, pacuan empat roda Kembara 1.3L dan van serba guna Rusa 1.6L.

"Pada April tahun ini, Perodua mengeluarkan 9,706 kenderaan yang mana kami hanya mempunyai keupayaan pengeluaran 10,000 sebulan sahaja," katanya selepas penyampaian Perodua Kancil kepada pemenang Kuiz Minggu Saham Amanah anjuran Permodalan Nasional Bhd (PNB) pada 20-24 April lalu di loji Perodua di Sungai Choh, Rawang, semalam.

Perbelanjaan modal yang diperlukan itu akan membabitkan pembesaran keseluruhan operasi pengeluaran Perodua daripada bahagian mengecat, pembuatan badan kereta dan enjin.

Perodua sudah bersedia untuk pembesaran operasi bahagian mengecat dan membuat badan manakala bahagian enjin syarikat belum membuat keputusan berikutan keperluan pelaburan yang tinggi dan perlu memilih mesin yang sesuai.

Sementara itu mengulas mengenai peningkatan yen Jepun, Ab Rahman berkata, kekukuhan yen berbanding ringgit 'memakan' banyak keuntungan Perodua tambahan pula syarikat itu tidak mengambil tindakan menaikkan harga.

Perodua pernah menaikkan harga kenderaanya dua kali iaitu pada 1995 dan terbaru kenaikan kecil kira-kira lebih RM100 pada April lalu.

Mengenai pasaran eksport, Ab Rahman berkata setakat ini hanya dua negara yang menjadi pasaran baik untuk Kancil iaitu di United Kingdom dan Mesir. Bagaimanapun, pasaran eksport hanya mewakili 5 peratus daripada jualan keseluruhan Perodua.

(END)